

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 MARCH 2015

# Najib hormati jasa Kuan Yew bangunkan Singapura

um  
- 24/3/2015

**PUTRAJAYA 23 Mac** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan takziah kepada Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong di atas pemergian bapanya yang juga pengasas Singapura, mendiang Lee Kuan Yew, hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau amat dukacita dan sedih di atas berita pemergian Perdana Menteri pertama Singapura yang telah banyak menabur jasa dalam membangunkan negara tersebut.

"Saya menghormati jasa Kuan Yew dalam membangunkan Singapura ke arah menjadi sebuah negara maju dan dinamik seperti disaksikan pada hari ini.

"Pencapaian beliau adalah besar dan legasinya terjamin sehingga selamanya. Fikiran dan doa saya

bersama Hsien Loong sekeluarga," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan menerusi Pejabat Perdana Menteri, di sini hari ini.

Pejabat Perdana Menteri Singapura dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan bahawa Kuan Yew meninggal dunia pada pukul 3.18 pagi di Hospital Besar Singapura.

Mendiang yang berusia 91 tahun telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi hospital itu pada 5 Februari lalu kerana radang paru-paru yang teruk.

Pada masa sama, Najib memberitahu, Malaysia komited untuk memastikan hubungan dengan Singapura berada dalam keadaan aman, stabil dan makmur seperti mana yang dicapai antara kedua-dua negara sejak sekian lama.